



**POLA BEKERJA SAMBILAN KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI
DAERAH MELAKA TENGAH DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PRESTASI
PEMBELAJARAN DI SEKOLAH**

(Part-Time Working Trend Among the Secondary Students in the District of Melaka Tengah
and its Implication to Their Learning Performance in School)

Noraziah Ali, Ranimah Yusuf & Hasnah Ali

ABSTRAK

Perkembangan pesat Daerah Melaka Tengah yang berkait rapat dengan urbanisasi dan globalisasi telah menjana banyak peluang pekerjaan di pelbagai sektor ekonomi. Pelajar sekolah menengah adalah sebahagian daripada tenaga kerja sambilan yang telah mengisi jawatan kosong di pelbagai kompleks membeli-belah, gerai makanan, bengkel, kilang dan sebagainya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pola pekerjaan pelajar dan implikasinya terhadap pendidikan pelajar di Melaka Tengah. Seramai 126 pelajar yang dipilih secara purposif di lima buah sekolah menengah telah dikajiselidik di sekitar pertengahan tahun 2007. Kajian mendapati sebahagian besar responden bekerja dalam sektor perkhidmatan secara sambilan, iaitu selepas habis sekolah, pada cuti hujung minggu dan cuti sekolah. Dengan bekerja mereka berhadapan dengan kekangan masa dan fizikal untuk melakukan aktiviti pembelajaran di luar masa sekolah seperti mengulangkaji, menyiapkan kerja sekolah di rumah, kokurikulum dan lain-lain. Walau bagaimanapun, pendapatan yang perolehi pelajar daripada pekerjaan sambilan didapati membantu ekonomi keluarga, memenuhi keperluan sendiri dan menimbulkan rasa keyakinan diri kepada mereka. Banyak isu berbangkit berhubung dengan senario ini. Misalnya terdapat pelajar yang terpaksa bekerja untuk menampung kewangan keluarga kerana kemiskinan, dan ramai juga pelajar terdorong bekerja untuk membeli peralatan moden (telefon bimbit, baju berjenama, top-up dll) untuk gaya hidup semasa, dan paling serius ialah mereka kurang fokus terhadap pelajaran. Justeru, fenomena pelajar bekerja sambilan dibimbangi menggugat pendidikan mereka.

Kata kunci: Buruh/ pekerja Kanak-kanak, Pelajar Bekerja Sambilan, Implikasi Pembelajaran, Daerah Melaka Tengah

ABSTRACT

Fast development in the District of Melaka Tengah, which is closely related to urbanization and globalisation, has generated job opportunities in various economic sectors. Secondary schools students are part of the work force, working part-timely in shopping complexes, food stalls, workshops, factories and others. This study aims to look into the work patterns of secondary school students in the District of Melaka Tengah and the implications on their studies. A total of 126 students, purposively selected from five secondary schools were interviewed in the middle of 2007. The results showed that most of respondents worked part-time in the various service sectors after schools, during weekend leave and during school holidays. By working they faced both time and physical constraints which affect their learning activities after school such as doing homework and revision at home, co-curriculum

etc. However, their income from working part-time has helped their family financially besides fulfilling self needs and generating feeling of confidence among them. Many related issues surfaced in this study. Some were forced to work to assist family's financial needs due to poverty; while others work to buy modern gadgets to fulfill modern lifestyles (such as handphones, branded outfits); but the most critical was they lost focus in their studies. Thus, the phenomenon of working part-time among school students distracts their studies and may affect their educational performance.

Keywords: Child workers/labourer, Students Working Part-time, Learning implications, The District of Melaka Tengah

PENGENALAN

Pekerja di bawah umur atau buruh kanak-kanak adalah fenomena yang memang wujud dalam masyarakat sejak dahulu hingga ke hari ini. Dahulu buruh kanak-kanak, terutama anak-anak lelaki, diperlukan bekerja di kebun atau di ladang keluarga untuk membantu ibubapa menghasilkan produk pertanian bagi menyara keluarga. Dalam sesetengah masyarakat lain pula anak-anak membantu ibubapa berniaga atau dalam industri kotej untuk menjana pendapatan keluarga. Status 'membantu keluarga' memberi konotasi bahawa buruh kanak-kanak memberi khidmat tanpa bayaran, tetapi hakikatnya mereka telah turut memikul tanggungjawab terhadap keluarga sejak berumur muda lagi.

Pendidikan formal dan tidak formal mungkin tidak dilalui oleh setiap kanak-kanak, akibat desakan ekonomi keluarga dan norma masyarakat yang kurang memberi perhatian kepada kelulusan pendidikan pada ketika itu. Walaupun ibubapa memandang tinggi terhadap golongan berilmu, tetapi bukan untuk pembangunan kerjaya dan bukan sebagai jaminan saraan apabila anak-anak meningkat dewasa. Penyataan ini adalah lumrah dalam masyarakat agraria / tradisional (lihat See 2007).

Masyarakat dan institusi kekeluargaan telah berubah akibat modernisasi, urbanisasi dan sekarang globalisasi yang menyebabkan ramai ahli komuniti pertanian beralih ke sektor bukan pertanian. Mereka juga cenderung untuk meninggalkan kampung halaman untuk mencuba nasib di bandar. Selain itu, dasar negara menuntut semua kanak-kanak diwajibkan bersekolah seawal 5 tahun sebagai persediaan tenaga kerja berpendidikan. Apabila remaja berumur 15 tahun ke atas, walaupun mereka adalah golongan produktif atau boleh bekerja, tetapi mereka tetap berada di bawah tanggungan ibu bapa sebelum mereka dewasa dan berdikari mencari nafkah sendiri.

Sehubungan dengan pekerja kanak-kanak / remaja yang masih bersekolah, mereka boleh dikategorikan sebagai buruh kanak-kanak. Akta Buruh Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 menetapkan syarat pengajian kanak-kanak di bawah umur 14 tahun dan orang muda yang berumur di bawah 16 tahun hanya dalam jenis pekerjaan yang sesuai dan di dalam perusahaan tertentu: tidak membahayakan nyawa, anggota, kesihatan dan moral. Objektif utama akta ini adalah untuk mengawal dan/atau melindungi mereka daripada eksploitasi dan tidak mengganggu persekolahan mereka. Majikan yang melanggar akta ini boleh dikenakan penalti tidak melebihi 6 bulan atau denda tidak melebihi RM2000.00 atau kedua-duanya sekali (Goh 2005).

Isu buruh kanak-kanak sangat dipengaruhi oleh faktor persekitaran mereka. Perkembangan pesat Daerah Melaka Tengah yang berkait rapat dengan urbanisasi dan

globalisasi telah menjana banyak peluang pekerjaan di pelbagai sektor ekonomi. Pelajar sekolah menengah adalah sebahagian daripada tenaga kerja sambilan yang telah mengisi jawatan kosong di pelbagai kompleks membeli-belah, gerai makanan, bengkel, kilang dan sebagainya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pola pekerjaan pelajar dan implikasinya terhadap pendidikan pelajar.

DATA DAN METOD KAJIAN

Kajian dijalankan di Daerah Melaka Tengah yang pesat berkembang akibat urbanisasi dan globalisasi. Sebanyak 126 orang pelajar dari 5 buah sekolah menengah telah dikajiselidik dengan menggunakan borang soalselidik di sekitar pertengahan tahun 2007. Responden dipilih secara purposif dari kalangan pelajar Tingkatan 1 – 3 yang terlibat dalam pekerjaan sambilan di Bandaraya Melaka (termasuk Semabok, Peringgit, Ujung Pasir, Padang Temu dan Klebang Kecil) dan Hang Tuah Jaya (termasuk Bukit Katil, Batu Berendam, Bukit Baru, Bachang, Ayer Molek dan Peringgit).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

(a) Latar Belakang Pelajar Bekerja Sambilan dan Ibu Bapa Mereka

Pelajar sekolah yang bekerja sambilan yang menjadi responden kajian bersekolah di lima buah sekolah menengah kebangsaan. Kesemuanya terletak di Daerah Melaka Tengah. Selaras dengan klasifikasi umur menurut akta buruh kanak-kanak, responden yang dikaji adalah pelajar Tingkatan 1, 2 dan 3 yang melakukan kerja sambilan.

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut tingkatan dan juga ciri-ciri demografi serta taraf sosioekonomi ibu bapa mereka. Umur mereka adalah antara 13 hingga 15 tahun dan dengan itu mereka tertakluk kepada peraturan akta tersebut. Dari segi etnik dan gender, pelajar lelaki Melayu adalah golongan terbesar diikuti oleh pelajar lelaki China. Pelajar perempuan juga terlibat tetapi nisbahnya hanya sekitar 30 peratus.

Ibu bapa responden secara umumnya mempunyai taraf sosioekonomi agak rendah. Majoriti ibu bapa responden berpendapatan kurang RM2000.00, selaras dengan taraf pendidikan yang kebanyakannya berkelulusan PMR/SRP dan SPM/MCE. Ramai ibu bapa responden yang bekerja sendiri - seperti bertani, membuat dan menjual kueh, membuat kerja kampung dan sebagainya - yang menjadi tauladan kepada anak-anak untuk berusaha bagi mendapatkan wang.

Sehubungan itu, boleh dikatakan bahawa kehidupan keluarga pelajar adalah amat sederhana keseluruhannya, di samping segelintir yang hidup di bawah paras kemiskinan, iaitu ibu bapa responden yang tidak bersekolah, tiada pekerjaan dan dengan itu tiada sumber pendapatan. Sebanyak 54.4% keluarga responden mempunyai paras pendapatan sekadar melepasi kadar kemiskinan.

Jadual 1: Latar belakang pelajar bekerja sambilan dan ibu bapa mereka

<i>Latar belakang responden</i> N=126	Bilangan	Lelaki	Perempuan	%
Tingkatan 1	30	88	38	11.5
Tingkatan 2	38	(69.2%)	(30.8%)	14.6
Tingkatan 3	58			22.2
<i>Etnik responden:</i>				
Melayu	55	35	20	40.7
China	39	31	8	31.0
India	32	22	10	25.3
<i>Latar belakang ibu bapa</i> N=252				
		bapa	ibu	
<i>Pekerjaan bapa ibu</i>				
Kerajaan	40	27	13	15.9
Swasta	53	31	22	21.0
Sendiri	107	62	45	42.5
Tidak bekerja*	52	06	46	20.6
<i>Pendapatan ibu bapa</i>				
Tiada*	52	6	46	20.6
Kurang RM1000	137	81	56	54.4
RM1001-2000	47	32	15	18.6
RM2001-3000	09	5	4	03.6
RM3001-4000	04	2	2	01.6
RM4001 dan ke atas	03	-	3	01.2
<i>Taraf pendidikan ibu bapa</i>				
Tidak bersekolah	13	06	07	05.2
Sekolah rendah	24	11	13	09.5
PMR/SRP	77	42	35	30.5
SPM/MCE	99	46	53	39.3
STPM	30	15	15	11.9
Ijazah	09	06	03	3.6

Sumber: Kerja Lapangan 2007

Nota: * termasuk 5.6% yang sudah meninggal dunia

(b) Pola Pekerjaan Pelajar Bekerja Sambilan

Pelajar sekolah yang bekerja sambilan di Melaka Tengah adalah buruh kanak-kanak. Mereka bersekolah di sekolah masing-masing tetapi juga mencari nafkah di luar waktu sekolah. Pekerjaan yang mereka ceburi secara umumnya adalah di sektor ekonomi bandar yang berkembang dan memerlukan ramai pekerja, termasuk pekerjaan sebagai pelayan kedai, pembantu gerai, dan pembantu kedai secara sambilan.

Jadual 2: Jenis pekerjaan pelajar bekerja sambilan

Jenis pekerjaan	frekuensi	%
Perkhidmatan:		
Penyambut tetamu	1	00.8
Pencuci kereta	14	11.1
Pelayan	32	25.4
Tukang masak	4	03.2
Jurukemas hotel/motel	3	02.4
Pembantu gerai	28	22.2
Jumlah	82	65.1
Jualan		
Jurujual	3	02.4
Pembantu kedai	21	16.7
Penjaja makanan	5	04.0
Jumlah	29	23.1
Pengkeranian:		
Kerani	1	0.8
Setiausaha	1	0.8
Jumlah	2	1.6
Pengeluaran:		
Operator mesin	2	1.6
Tukang kayu	2	1.6
Jumlah	4	3.2
Teknikal: Pembantu mekanik		
Jumlah	9	7.1
Jumlah keseluruhan	126	100.00

Sumber: Kerja Lapangan 2007

Jadual 2 menunjukkan jenis pekerjaan yang diceburi oleh pelajar di Melaka Tengah. Sebanyak 65.1 peratus bekerja di sektor perkhidmatan sebagai pelayan restoran atau kedai makan, pembantu gerai, pencuci kereta dan sebagainya. Sebahaginnnya (23.1%) terlibat dalam kerja jualan sama ada sebagai jurujual atau penjaja. Pelajar selebihnya bekerja dalam bidang yang memerlukan mereka melalui masa percubaan untuk mendapatkan kemahiran khusus seperti pengeluaran di kilang, perkeranian dan sebagai pembantu mekanik membaiki kereta.

Responden bekerja di pelbagai premis perniagaan yang terletak di Bandaraya Melaka dan di Hang Tuah Jaya (Jadual 3). Premis makanan dan bengkel adalah tempat paling ramai pelajar bekerja. Perkembangan pesat premis makanan dan bengkel yang menyediakan perkhidmatan berkaitan menjana banyak peluang pekerjaan kepada pelajar. Penglibatan mereka secara sambilan membantu perniagaan dalam memenuhi permintaan yang tinggi daripada warga yang bekerja dan pengunjung pusat bandar Melaka Tengah, sama ada dari dalam atau luar negeri Melaka.

Selain itu, kajian mendapati sebahagian pelajar bekerja di hotel, kompleks membeli-belah, pasaraya dan kilang. Organisasi perniagaan yang besar ini jelas memanfaatkan tenaga kerja yang masih bersekolah selepas habis masa bersekolah atau semasa cuti awam.

Jadual 3: Pelbagai premis responden bekerja sambilan

Tempat bekerja	Bilangan	%
Restoran / restoran francais	26	20.6
Gerai makan	32	25.4
Kilang	2	1.6
Hotel/ motel	5	4.0
Pasar malam	9	7.1
Pasaraya	2	1.6
Stesen minyak	8	6.3
Kompleks membeli-belah	4	3.2
Pusat hiburan	-	-
Salun rambut	2	1.6
Kedai bengkel	34	27.0
Rumah	2	1.6
Jumlah	126	100.0

Sumber: Kerja Lapangan 2007

Sebagai pekerja sambilan, responden menggunakan masa cuti awam / cuti di hujung minggu dan masa selepas pulang dari sekolah untuk bekerja. Sehubungan itu, masa mereka bekerja ditentukan oleh tempoh waktu yang mereka punyai di luar masa sekolah. Jadual 4 menunjukkan pola masa bekerja dan tempoh mereka telah bekerja sehingga kajian ini dijalankan. Pelajar yang bekerja di sebelah petang hingga ke malam bekerja selama beberapa jam setiap hari, tetapi bagi pelajar yang bekerja 7 jam ke atas, mereka menggunakan cuti hujung minggu untuk bekerja. Kompleks perniagaan lazimnya ditutup pada jam 10.00 malam, namun kedai dan gerai makan ditutup lebih lewat. Bengkel dan kedai perniagaan lain ditutup pada lewat petang. Keseluruhan masa bekerja pelajar ditentukan juga oleh masa operasi syarikat di mana mereka bekerja.

Tempoh penglibatan majoriti pelajar bekerja sambilan adalah kurang setahun (72.2%), tetapi yang lebih menarik ialah perkembangan penglibatan pelajar seperti dalam Jadual 4 yang menunjukkan pertambahan berganda bilangan pelajar bekerja sambilan bagi enam bulan pertama (47.6%) tahun 2007 berbanding enam bulan kedua (24.6%) tahun yang sama. Nisbah yang bekerja sambilan pada tahun sebelumnya adalah jauh lebih rendah. Trend ini menunjukkan semakin ramai pelajar sekolah di Daerah Melaka Tengah bekerja sambilan.

Berkaitan dengan jarak lokasi mereka bekerja dari rumah, didapati kebanyakan pelajar (59.5%) berulang-alik sejauh antara 1- 5 km ke tempat kerja. Jarak ini mungkin secara relatifnya tidak jauh kerana pelajar menggunakan pelbagai kenderaan untuk ke tempat kerja. Mereka yang secara relatif dekat dengan tempat kerja tidak menggunakan kenderaan tetapi berjalan kaki atau berbasikal sahaja untuk ke tempat kerja.

Jadual 4: Pola pekerjaan responden

Maklumat pekerjaan	Bilangan	%
Jam bekerja:		
1-3 jam	45	35.7
4-6 jam	52	41.3
7 jam ke atas	29	23.0
Tempoh bekerja		
Kurang 6 bulan	60	47.6
6 bulan –1 tahun	31	24.6
1-2 tahun	16	12.7
2-3 tahun	09	07.1
3 tahun ke atas	10	07.9
Jarak rumah ke tempat kerja		
1-5 km		
6-10 km	75	59.5
11-15 km	26	20.6
16-20 km	9	07.1
lebih 20 km	15	11.9
	1	00.8
Pengangkutan ke tempat kerja		
Kereta/van	31	24.6
Kenderaan awam	20	15.9
Motosikal	31	24.6
Basikal	20	15.9
Berjalan kaki	24	19.0

Sumber: Kerja Lapangan 2007

Jadual 5 menunjukkan maklumat majikan responden. Hampir separuh majikan mempunyai pertalian darah dengan responden yang menyebabkan ibu bapa mudah membenarkan anak-anak mereka untuk bekerja sambil. Dari segi etnik majikan, Melayu dan China adalah majikan paling ramai responden bekerja.

Jadual 5: Maklumat majikan: hubungan dengan pelajar dan etnik majikan

Maklumat majikan	Bilangan	%
Hubungan dengan majikan		
Ahli keluarga	30	23.8
Saudara mara	31	24.6
Lain-lain	65	51.6
Etnik majikan		
Melayu	50	39.7
Cina	48	38.1
India	24	19.0
Lain-lain	04	03.2
Jumlah	126	100.0

Sumber: Kerja Lapangan 2007

(c) Pendapatan Pelajar Bekerja Sambilan

Pelajar bekerja sambilan sangat memerlukan pendapatan yang mereka perolehi setiap bulan. Jadual 5 menunjukkan pola pendapatan sebulan pelajar yang bekerja sambilan. Secara umumnya, taraf pendapatan yang diperolehi tidaklah besar mengikut penilaian umum. Majoriti pelajar yang dikaji memperolehi pendapatan kurang RM300.00 sebulan (79.4%). Walau bagaimanapun, jumlah yang mereka terima itu tetap besar maknanya kepada mereka kerana faktor-faktor yang mendorong mereka bekerja bertindak sebagai matlamat mereka bekerja. Dengan pendapatan yang mereka perolehi, pelbagai hasrat dan matlamat telah dapat disempurnakan.

Jadual 5: Taburan pendapatan responden dalam sebulan

Julat pendapatan	frekuensi	%
RM150.0 ke bawah	46	36.5
RM151-300	54	42.9
RM301-450	12	09.5
RM451-600	13	10.3
RM601-750	1	00.8
RM751 ke atas	-	-
Purata= RM135.00		
Jumlah	126	100.0

Kegunaan pendapatan mereka menunjukkan mereka dari satu segi cuba berdikari dalam pembelian barang mewah seperti telefon bimbit yang menjadi budaya remaja pada hari ini. Mereka tidak mengharapkan ibubapa membelikannya kerana ketidakmampuan keluarga. Dari segi lain, mereka didapati memiliki kesedaran tentang kesempitan kewangan ibu bapa mereka, dan sehubungan itu usaha mereka meringankan perbelanjaan keluarga menunjukkan kesediaan mereka untuk memikul tanggungjawab pada usia muda.

FAKTOR BEKERJA SAMBILAN

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pelajar bekerja sambilan yang dapat dilihat berdasarkan perspektif pelajar sendiri, selain faktor persekitaran yang mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada pelajar.

(a) Faktor Persekitaran

Perkembangan pesat di Daerah Melaka Tengah menerusi pembangunan bandar menyediakan pelbagai peluang pekerjaan di pelbagai sektor pekerjaan. Pertumbuhan pusat perniagaan dan kompleks membeli-belah terutamanya membuka peluang pekerjaan sebagai pembantu jualan dan perkhidmatan di pelbagai premis perniagaan produk berjenama luar negara dan kedai makan. Pekerjaan sambilan untuk beberapa jam dan memerlukan kelayakan minimum (sihat dan kenal huruf misalnya) amat sesuai dengan ciri-ciri pelajar yang memerlukan pekerjaan di luar masa bersekolah.

Justeru, faktor mudah mendapat pekerjaan di samping 'gaji lumayan' kepada pelajar yang baru mula mengenali nilai ringgit mendorong mereka merebut peluang pekerjaan yang banyak di sekitar mereka. Sebahagian pelajar ironinya mendapat galakan daripada ibubapa sendiri yang mengalami masalah kewangan dan anak-anak bekerja diharapkan membantu

kewangan keluarga. Rakan-rakan mereka yang bekerja sambil juga memberi galakan untuk menyertai tenaga kerja sambil dengan memberi maklumat tentang peluang kerja yang mereka ketahui.

Pelajar juga terdorong bekerja sebagai *escapisme* daripada kebosanan di sekolah dan di rumah. Persekitaran sekolah dan pembelajaran yang membosankan dan persekitaran di rumah yang tidak selesa dan tenteram mendorong pelajar untuk bekerja sambil bagi mengatasi kebosanan semasa bersekolah. Dengan bekerja, mereka beralih suasana persekitaran yang lebih menceriaikan.

Jelaslah bahawa pelajar bekerja sambil adalah akibat mereka kurang berminat terhadap pelajaran dan pada masa yang sama tertarik kepada pelbagai peluang pekerjaan yang banyak ditawarkan di persekitaran mereka. Justeru, faktor tolakan di sekolah dan di rumah di satu pihak, dan faktor tarikan di bandar dipihak lain merupakan mekanisme pendorong yang menggalakkan pelajar bekerja sambil. Holland & Andre (1987) dan Noor Azman (2005) juga mengemukakan pengaruh faktor persekitaran dalam menjelaskan isu yang sama. Kewujudan dan interaksi kedua-dua faktor tolakan dan tarikan pekerjaan menyebabkan dorongan untuk pelajar bekerja itu agak kuat dan dilihat kompleks untuk ditangani.

(b) Faktor Kendiri Pelajar

Faktor kewangan adalah tujuan utama pelajar bekerja sambil. Hasrat memenuhi pelbagai kehendak material mewah yang tidak dapat diberikan oleh ibubapa telah mendorong pelajar untuk bekerja sambil. Selain itu, faktor desakan hidup kerana kemiskinan juga menyebabkan mereka bekerja untuk menampung perbelanjaan persekolahan. Jadual 6 menunjukkan kehendak material yang dipenuhi dengan bekerja sambil. Pendapatan responden yang bekerja sambil digunakan untuk membeli barangan keperluan sekolah, peribadi dan tabungan, selain mengumpul wang untuk membeli barangan mahal.

Jadual 6: Fungsi pendapatan responden

(a) Barangan pembelian	% responden
1. buku dan peralatan sekolah	49.5
2. telefon bimbit	55.6
3. tambah nilai telefon bimbit	70.6
4. pakaian dan barangan berjenama	47.7
5. rokok	
6. wayang	19.8
7. <i>cyber cafe</i>	40.8
8. makan di luar	57.9
	14.3
(b) Kesedaran sendiri	
1. pengalaman bekerja	53.2
2. wang saku	81.7
3. membantu keluarga	14.0
4. mengisi masa lapang	42.1
(c) Tabungan	
1. insuran	07.9
2. ASB/ASW	14.8
3. bank	66.6
4. Kumpul wang untuk beli:	

Motosikal	15.1
Komputer	08.7
Telefon bimbit	68.4

Sumber: Kerja Lapangan 2007

Persoalannya, wajarkah responden bekerja untuk berdikari dari segi kewangan untuk membeli barangan popular remaja masa kini yang mungkin tidak dapat disediakan oleh ibu bapa? Jika ibubapa menyediakan dan memenuhi kehendak pelajar pun, mungkinkah mereka tidak bekerja dan memberi tumpuan kepada pelajaran? Kenyataannya, persepsi dan aspirasi ke arah kemewahan yang digambarkan oleh responden telah menjadi budaya pelajar, sementara semangat menimba ilmu pengetahuan boleh dikatakan bukan lagi misi utama mereka.

IMPLIKASI PEMBELAJARAN

Bekerja sambil dilakukan di luar masa bersekolah, tetapi kesannya terhadap prestasi pelajaran pelajar memang tidak dapat dielakkan (lihat Noor Azman 2005, Awab 2003, Fauziah 2003). Pada asasnya, pelajar memerlukan masa untuk berehat dan mereka juga perlu melibatkan diri dalam aktiviti di luar bilik darjah untuk menjana pelajar yang bukan sahaja berpelajaran tetapi juga bersahsiah baik. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati beberapa isu berkaitan implikasi bekerja sambil ke atas pendidikan responden.

(a) Prestasi akademik

Sebilangan besar responden mengakui bahawa pelajaran mereka terjejas akibat bekerja sambil. Kurang masa untuk mengulang kaji, selalu penat dan mengantuk, tidak menyiapkan kerja sekolah, tidak dapat menumpu perhatian kepada guru yang mengajar, dan sikap kurang peduli. Kesemuanya adalah masalah yang mereka hadapi akibat bekerja sambil.

(b) Kokurikulum

Majoriti responden adalah ahli biasa persatuan atau unit beruniform. Dari segi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, 12.7% tidak mengahapi aktiviti persatuan, 11.1% tidak hadir aktiviti unit beruniform dan 23.0% tidak pernah menyertai aktiviti sukan. Bekerja sambil menyebabkan pelajar gagal terlibat dalam aktiviti kokurikulum.

(c) Masalah disiplin.

Responden selalu datang lewat ke sekolah (23.0%) dan jika keletihan mereka ponteng sekolah (5.9%). Mereka juga ponteng kelas yang membosankan dan jika kerja rumah yang diberi oleh guru tidak disiapkan. Sehubungan dengan pelbagai masalah disiplin, responden pernah dipanggil untuk sesi kaunseling, diberi surat amaran, dirotan dan paling serius ibu bapa responden dipanggil guru besar untuk membincangkan masalah disiplin pelajar.

(d) Persepsi pelajar terhadap pelajaran

Bekerja menyebabkan pelajar tidak banyak masa untuk mengulang kaji, selain kurangnya tumpuan terhadap pelajaran. Tumpuan berlebihan kepada pekerjaan juga telah menyebabkan minat terhadap pelajaran merosot (25.4%). Kajian juga mendapati sebanyak 16.6% pelajar tidak yakin bahawa pelajaran mampu menjamin kerjaya pada masa hadapan,

sehingga peperiksaan PMR dan SPM tidak lagi menjadi keutamaan mereka pada masa kini. Sikap pelajar ini semestinya berkonflik dengan matlamat RM K-9 (2006-2010) dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang bermatlamat membentuk modal insan demi menjayakan wawasan 2020.

Sehubungan dengan isu pelajar bekerja sambil dan implikasinya ke atas pendidikan pelajar yang terlibat, pelbagai pihak yang berkaitan langsung dengan pelajar seperti ibu bapa, jabatan pendidikan dan sekolah harus berperanan untuk memastikan pelajar tidak hilang fokus terhadap pelajaran mereka. Namun, tindakan yang diambil dijangka tidaklah mudah kerana terdapat ibu bapa sendiri merestui anak-anak mereka bekerja sambil, sementara majikan sukar diambil tindakan undang-undang kerana undang-undang itulah yang melindungi mereka.

KESIMPULAN

Buruh kanak-kanak adalah fenomena lazim dalam masyarakat kurang maju. Faktor membantu keluarga di ladang dan sumbangan mereka sebagai pekerja keluarga mampu menjamin kemandirian keluarga. Dalam konteks masyarakat lebih maju seperti di Daerah Melaka Tengah khususnya dan Malaysia amnya, fenomena yang sama didapati semakin berkembang tetapi bentuknya amat berbeza kerana konteksnya juga berlainan. Peluang kerja yang banyak dalam sektor bandar dan matlamat yang bukan terfokus kepada keluarga telah mempengaruhi pelajar bekerja sambil.

Persoalan utama yang memperhatikan ialah misi dan matlamat persekolahan mereka sebagai pelajar sekolah sudah tergelincir apabila mereka bekerja sambil dan lebih mengutamakan pekerjaan dan pendapatan yang diperolehi. Sehubungan itu, pembangunan sumber manusia, yang selaras dengan pembangunan fizikal, infrastruktur dan ekonomi, sebagai pendekatan holistik ke arah kemajuan negara mungkin mengalami *setback*. Bekerja sambil mungkin mampu menjadi landasan untuk mendapatkan pengalaman tak ternilai. Walau bagaimanapun, lencongan fokus dan kegagalan pelajar mengimbangi antara pelajaran dan pekerjaan hanya menjadi stigma kepada usaha pendidikan yang bertujuan melahirkan modal insan masa depan.

RUJUKAN

- Awab Said 2003. *Pelajar Bekerja Sambilan. Tinjauan di beberapa Sekolah Menengah di Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah Universiti Malaya (tidak diterbitkan).
- Fauziah Abdul Ghani 2003. *Penglibatan Pelajar dalam Kerja Sambilan. Kajian di Sekolah Menengah Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah Universiti Malaya (tidak diterbitkan).
- Goh Cheng Chuan 2005. *Panduan kepada Akta Pekerjaan dan Undang-undang Buruh Malaysia untuk Majikan dan Pekerja*. Petaling Jaya: Leeds Publication.
- Holland A. & Andre A. 1987. Participation in extracurricular activities in secondary school: What is known, what need to be known? *Review of Education Research* 57 page 437 – 466.
- Noraziah Ali 2007. *Pola Makan di Luar dan Implikasinya ke atas Pengamal*. Dalam Haslina Hassan (pyt) *Dinamika Masyarakat Bandar Malaysia ke arah Kualiti Hidup Mapan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Noor Azman Hassan 2005. Hubungan Kerja Sambilan dengan Prestasi Akademik dan Penglibatan Aktiviti Sekolah di kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Tangkak, Johor. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).

See Hoon Peow 2007. *The Law and Child Labour in Malaysia*. Subang Jaya: Pelanduk Publication.

Prof. Madya Datin Noraziah Ali & Ranimah Yusuf.
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600. Bangi, Selangor
Email: noraziah@ukm.my

Prof. Madya Hasnah Ali.
Pusat Pengajian Ekonomi,
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600. Bangi, Selangor.
Email: hasnah@ukm.my